

Layani Orang Lain Dengan Sikap Baik, Sopan-santun dan Beradab



Layani orang lain tanpa mengira pangkat

Kita harus mendidik anak kita untuk beradab dan penuh sopan-santun, mengatakan "Tolong", "Terima kasih" dan "Tumpang lalu" tidak hanya kepada orang yang tidak kita kenali dan kenalan, tetapi juga kepada keluarga dan teman-teman. Sopan-santun adalah umpama minyak pelincir yang mengurangkan geseran dalam hubungan antara manusia.

Insan yang terhormat adalah orang yang beradab. Ia menekankan ungkapan marah, penghinaan dan rasa kecewa kerana menimbang perasaan orang lain serta menghargai damai dan harmoni dalam masyarakat.

Tentu sahaja, adakalanya orang harus membantah dan bersuara secara langsung, tetapi bantahan tersebut dapat dilakukan dengan nada dan perilaku yang benar, tanpa harus menghina, menjerit, menyerang secara peribadi ataupun mengancam.

Cara menunjukkan sikap hormat berbeza-beza, bergantung kepada budayanya, tetapi kewajiban untuk bersikap hormat terhadap kepercayaan dan tradisi orang lain adalah sama. Jadi, baik melalui jabat tangan, membongkokkan badan, mahupun pelukan, kita harus memberi salam dengan cara yang menunjukkan sikap hormat kita, sewaktu berjumpa dan berpisah.

Jika kita tahu seseorang mungkin akan tersinggung dengan bahasa yang kasar atau jenis gurauan tertentu, kita harus berhati-hati agar tidak mengatakan sesuatu yang boleh menyinggung

perasaan. Jika kita tahu seseorang mempunyai pola makan tertentu, atau keyakinan agama tertentu, kita harus membantu mereka semampu kita. Dengan kata lain, dalam hidup ini kita harus memperlakukan orang lain sebagai tamu kita dan kita harus bersikap sebagai tuan rumah yang baik.


Kita harus mendidik anak kita untuk memperlakukan orang yang lebih tua dengan lebih hormat daripada mereka cara mereka melayan rakan-rakan mereka. Mungkin bukan sudah zamannya kita memanggil "Tuan" atau "Puan", namun kita masih dapat berharap anak remaja untuk menggunakan panggilan hormat, misalnya pakcik atau makcik dan memberikan tempat duduk kepada orang yang lebih tua, wanita hamil atau orang cacat.

Kita juga harus mendidik remaja bahawa tingkah laku beradab dan sikap baik dapat meningkatkan peluangnya untuk mencapai keinginannya. Orang umumnya akan bersifat positif terhadap tingkah laku yang penuh hormat dan bersifat negatif terhadap sikap kasar.

Dalam memupuk sikap hormat kepada remaja, ibu bapa harus ingat bahawa sikap hormat harus berlaku timbal-balik; jika tidak, komunikasi tidak akan berjalan lancar. Remaja sering mengeluh bahawa dia tidak mendapatkan perlakuan atau layanan hormat dari ibu bapa atau orang dewasa lain, dia benci diperlakukan seperti anak kecil dan tidak diperlakukan sebagai remaja sesuai dengan usianya. Dia ingin didengarkan dan ingin pendapatnya dianggap serius. Perlakuan yang diterima remaja sering dijadikan alasan untuk menilai tindakannya sendiri yang tidak hormat.

Ibu bapa harus secara sedar memperlakukan anak-anaknya dengan hormat. Sebahagian orang dewasa memperlakukan anak-anak tanpa sikap hormat, hanya kerana mereka dapat melakukan hal itu tanpa takut dihukum. Kita harus sedar bahawa akibat daripada sifat negatif yang kita tunjukkan, bakal diwarisi oleh generasi kita yang seterusnya.

Ibu bapa harus menghormati anak remajanya yang sedang membesar dan bakal menjadi dewasa, menghormati minat mereka dalam muzik hinggalah kepada ideologi politik yang mereka pegang.



*Hormat-menghormati tidak mengira siapa
(gambar sekadar hiasan)*